

70 penunggang wanita sertai *Asian Women's Force Ride 2018*

PUTRAJAYA – Seramai 70 penunggang wanita dari negara Asia termasuk Malaysia menyertai konvoi bermotosikal *Asian Women's Force Ride 2018* bersempena dengan Tahun Memperkasa Wanita 2018 dan Hari Wanita Sedunia yang disambut kelmarin.

Peserta konvoi dari Brunei, Thailand, Singapura, Indonesia dan Bangladesh itu merupakan ahli Women's International Motorcycle Association (WIMA).

Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Suriani Ahmad berkata, program julung-julung kalinya itu menonjolkan sifat keberanian dan kegigihan wanita menunggang motosikal.

"Saya berharap lebih ramai wanita tampil menganjurkan pelbagai program yang boleh memperkasa wanita sekali gus membuka peluang perijanaan ekonomi kepada wanita," katanya selepas majlis pelepasan konvoi bermotosikal itu di sini semalam.

Sementara itu, Presiden WIMA, Nor Zaidah Saidin mem-



SURIANI (kanan) melepaskan para peserta konvoi bermotosikal yang menyertai *Asian Women's Force Ride 2018* di Putrajaya semalam.

beritahu, konvoi selama tiga hari bermula semalam tersebut melibatkan 87 buah motosikal berkapasiti 150cc hingga 1,800cc termasuk masing-masing lapan pegawai pengiring polis wanita dan lelaki.

Destinasi pertama konvoi itu adalah di Sungai Petani, Kedah, diikuti Batu Gajah, Teluk Intan

dan Sungai Perak di Perak.

"Pasukan konvoi ini akan menuju ke Pantai Merdeka, Kuala Muda dan kemudian menuju ke Sungai Petani untuk acara Sungai Petani Bike Week kali ke-5.

"Mereka juga akan melawat Menara Condong di Teluk Intan dan Kellie's Castle di Batu Gajah," ujarnya.